



**PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA**

## **IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia berumur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih daripada 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Keutamaan kepada individu yang berintegriti, komited, mempunyai semangat kerja berpasukan yang tinggi, berpengalaman, berkemahiran serta berminat dalam bidang perfileman untuk mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

**TARIKH BUKA IKLAN : 30 SEPTEMBER 2025**

**TARIKH TUTUP IKLAN : 14 OKTOBER 2025**

<b>BIL</b>	<b>JAWATAN</b>	<b>GRED</b>	<b>TARAF</b>	<b>KEKOSONGAN</b>	<b>PENEMPATAN</b>
1.	<b>PEMBANTU KHIDMAT AM (PEMANDU KENDERAAN)</b>	H1	TETAP	1	SEMENANJUNG

Sila klik pautan ini untuk melihat jawatan dan panduan mengisi borang permohonan atas talian (*online*) <https://fiss.finas.my/eperjawatan/>

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Unit Pengurusan Sumber Manusia FINAS:

Telefon: **03-4104 1300 / 1313 / 1380 / 1384 / 1428**

## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DALAM TALIAN (*ONLINE*)

### Cara-cara memohon:

- a) Sila klik pautan ini untuk mengisi maklumat pemohon secara dalam talian (*online*).  
<https://fiss.finas.my/eperjawatan/>
- b) Sebarang permohonan melalui surat, e-mel atau faks **tidak akan dipertimbangkan**. Maklumat bertanda \* **hendaklah wajib diisi**.
- c) Sila isi **Nama Jawatan** dengan lengkap seperti yang tertera di ruangan iklan.
  1. **Contoh: Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Pemandu Kenderaan).**
  2. **Setiap pemohon hanya dibenarkan memohon satu (1) jawatan sahaja.**
- d) **Berikut adalah senarai dokumen yang perlu disahkan dan dimuat naik (*upload*):**
  1. Gambar berukuran pasport terkini.
  2. Sijil kelahiran.
  3. Kad Pengenalan (depan dan belakang) diimbas (*scan*) terlebih dahulu dan disimpan sebagai (.pdf atau .jpeg).
  4. Sijil Berhenti Sekolah.
  5. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). (Bagi Gred B5, KP5, B1, H1, N1 & W1)
  6. Salinan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia/ Sijil Tinggi Agama Malaysia/ Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia/ Sijil Diploma (Bagi Gred B5 dan KP5)
  7. Lesen Kenderaan (depan dan belakang) diimbas (*scan*) terlebih dahulu dan disimpan sebagai (.pdf atau .jpeg) (Bagi Gred H1)
- e) Sila klik butang *submit*. Pemohon akan menerima satu notifikasi "**Permohonan anda berjaya dihantar**".
- f) Calon yang berjaya dan dipanggil temu duga hendaklah membawa sijil asal dan setiap salinan berikut iaitu kad pengenalan, lesen memandu, sijil kelahiran, sijil persekolahan, sijil kelulusan tertinggi dan sijil-sijil yang berkaitan jawatan yang dipohon. Semua salinan dokumen **haruslah disahkan dengan cop asal (bukan cop salinan fotostat)**. (Semua dokumen perlu disahkan oleh Pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi JKK / Pengetua / Guru Besar / Pesuruhjaya Sumpah atau mereka yang diperakui pengesahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam).
- g) Permohonan daripada penjawat yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan bersama **salinan Rekod Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang terkini (2022, 2023 dan 2024)** dan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Pengisytiharan Harta. Lampiran tersebut **tidak perlu dimuat naik dan hanya perlu dibawa jika terpilih untuk ditemu duga sahaja**.

## **Catatan Am**

- a) Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **DITOLAK**.
- b) Hanya calon-calon **yang layak selepas tapisan sahaja** akan **dipanggil temu duga**.
- c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan **selepas 6 bulan** dari **tarikh tutup iklan** hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.